

NO SOALAN :282

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)****PERTANYAAN : BERTULIS**

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pinjaman dijamin Kerajaan oleh DanaInfra Nasional Berhad dalam tempoh mulai 2015 sehingga 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, jumlah jaminan Kerajaan yang telah diluluskan bagi Program Pembiayaan DanaInfra bagi projek MRT Laluan 1 (Laluan Sungai Buloh - Kajang) dan projek Laluan 2 (Laluan Sungai Buloh - Serdang- Putrajaya) adalah sebanyak RM46 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM44.58 bilion dana telah diterbitkan dalam bentuk *Islamic Medium Term Notes* (IMTN) dan *Islamic Commercial*

Paper (ICP). Selain itu, DanaInfra juga telah meluluskan jaminan bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak (Fasa 1) sebanyak RM2 bilion.

2. Setakat 28 Februari 2018, DanaInfra telah menerbitkan sebanyak RM46.58 bilion IMTN dan ICP dalam pasaran modal tempatan bagi menampung ketiga-tiga projek berkenaan. Pecahan bagi setiap projek adalah seperti di jadual 1 berikut :

Jadual 1: Jumlah sukuk yang telah diterbitkan oleh DanaInfra:

Projek	Jumlah Terbitan (RM ' Bilion)
MRT 1	28.28
MRT 2	16.30
Pan Borneo Sarawak (Fasa 1)	2.00
Jumlah	46.58

SOALAN (283)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
[GOMBAK]**

SOALAN :

YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terkini pengangguran di kalangan belia secara keseluruhan serta pecahan pengangguran di kalangan belia berpendidikan tinggi dan belia tidak mempunyai pendidikan tinggi .

JAWAPAN :-

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia melaksanakan Survei Tenaga Buruh bagi mendapatkan anggaran tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran. Survei ini ialah kajian berkebarangkalian yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan antarabangsa iaitu *International Labour Organization (ILO)*.

Berdasarkan maklumat tersebut, statistik pengangguran belia (15-24 tahun) mengikut pencapaian pendidikan Malaysia pada separuh tahun pertama 2017 adalah seperti berikut:

Pencapaian pendidikan	Rendah	Menengah	Tertiari
H1/2017	15.4	179.1	86.3

Nota : Belia mengikut definisi ILO ialah penduduk dalam kumpulan umur 15 hingga 24 tahun.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018